

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]
TARIKH : 02 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbelanjaan Kerajaan menyediakan kereta rasmi Vellfire kepada Menteri-menteri sejak Mac 2020 hingga sekarang. Berapa jumlah perbelanjaan sewaan sesebuah kereta Vellfire daripada syarikat konsesi Spanco sebulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memulakan proses penggantian Kereta Rasmi Jawatan bagi Menteri-Menteri Persekutuan daripada model Proton Perdana 2.4L kepada Toyota Vellfire 2.5L bermula April 2021. Kerajaan membayar kos pajakan bulanan Toyota Vellfire 2.5L sebanyak RM5,759.35. Kos pajakan bulanan ini terdiri dari kos sewaan bulanan sebanyak RM4,851.61 dan kos selenggaraan bulanan RM907.74. Sehingga September 2021, Kerajaan telah membayar kos pajakan sebanyak RM1.42 juta kepada Syarikat Konsesi.

Sekian, terima kasih.